



21 NOV, 2024

30kg ganja ditinggalkan di sempadan Malaysia-Thailand

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 1 of 2

30kg ganja ditinggalkan di sempadan Malaysia-Thailand

KANGAR: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merampas 30 ketulan mampat dipercayai ganja bernilai RM93,000 menerusi serbuan di kawasan Pintu Tiga, Bukit Batu Putih (Sempadan Malaysia-Thailand), di sini, pada Selasa minggu lalu.

Pengarah JKDM negeri, Ismail Hashim berkata, menerusi serbuan spukul 8.30 malam itu, pihaknya menemukan dua bungkusan guni berwarna putih ditinggalkan berhampiran pagar sempadan.

Beliau berkata, pihaknya melakukan pemantauan selama 10 minit di lokasi berkenaan namun tiada mana-mana pihak dikesan mengambil bungkusan guni berkenaan.

"Kita hanya tunggu selama 10 minit bagi mengesan mana-mana suspek kerana serbuan tersebut dilakukan pada waktu malam di kawasan yang sensitif dan berbahaya.



Kita hanya tunggu selama 10 minit bagi mengesan mana-mana suspek kerana serbuan tersebut dilakukan pada waktu malam."

ISMAIL HASHIM

"Selepas itu pasukan penguatkuasa beredar meninggalkan lokasi bagi mengelakkan insiden bahaya," katanya dalam sidang akhbar di Ibu Pejabat JKDM negeri, di sini, semalam.

Ismail berkata, berdasarkan siasatan awal, guni berisi gan-

ja seberat 30.145 kilogram itu dipercayai dicampak dari kawasan Thailand melepasi pagar sempadan negara.

Katanya, bungkusan yang dicampak itu dipercayai akan diambil oleh individu yang akan menunggu di kawasan sempadan.

Sementara itu, dalam kes berasingan, Ismail berkata, sepasukan anggota JKDM cawangan penguatkuasaan Kuala Perlis turut menemukan sejumlah rokok pelbagai jenis disyaki tidak berkastam menerusi pemeriksaan pada kenderaan jenis Daihatsu Gran Max, di sebuah pusat beli belah sekitar Alor Setar, Kedah, pada 7 November lalu.

Katanya, menerusi pemeriksaan pada pukul 10.30 pagi itu, pihaknya merampas 299 karton rokok dianggarkan bernilai RM32,180 dengan melibatkan cukai sebanyak RM70,406.



21 NOV, 2024

30kg ganja ditinggalkan di sempadan Malaysia-Thailand

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

KANGAR: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merampas 30 ketulan mampat dipercayai ganja bernilai RM93,000 menerusi serbuan di kawasan Pintu Tiga, Bukit Batu Putih (Sempadan Malaysia-Thailand), di sini, pada Selasa minggu lalu. Pengarah JKDM negeri, Ismail Hashim berkata, menerusi serbuan spukul 8.30 malam itu, pihaknya menemukan dua bungkusan guni berwarna putih ditinggalkan berhampiran pagar sempadan.Beliau berkata, pihaknya melakukan pemantauan selama 10 minit di lokasi berkenaan namun tiada mana-mana pihak dikesan mengambil bungkusan guni berkenaan.